



SiX-26



ECHO FIGHTER • ISIAN DEPAN • BAWAH BALKONI • MONITOR • FULLRANGE

AV ELECTRONICS MARKETING SDN BHD

www.iva.com.my




Aktif-DSP: Dari Bunyi Mentah Jadi Gred Berlian

IVA SiX-26eF adalah bukti komitmen IVA dalam membangunkan teknologi pasif termaju yang direka khusus untuk menangani isu gema melampau. Singkatan "eF" membawa maksud Echo Fighter (Melawan Gema) — pembesar suara pertama kami yang direka khas demi menyampaikan bunyi yang jelas dan mudah difahami di dalam ruang yang mencabar dari segi akustik. Direka untuk pemasangan di kawasan yang mudah bergema seperti masjid, gereja, ruang legar pusat beli-belah, dan bilik mesyuarat, SiX-26eF mempamerkan prestasi luar biasa sebagai pembesar suara fullrange aktif.

Reka bentuk fizikalnya yang fleksibel juga menjadikan ia sangat ideal untuk digunakan sebagai front fill, pembesar suara bawah balkoni, atau monitor pentas — hanya perlu putarkan bahagian horn untuk peletakan secara mendatar. IVA SiX-26eF adalah penyelesaian mutlak bagi ruang yang mementingkan kejelasan, kawalan, dan kualiti bunyi tinggi di kawasan yang mencabar dari segi akustik.



Ciri Utama



Cip pemrosesan
berkualiti tinggi
daripada Analog
Devices
SigmaDSP® chipset



Kawalan hala tuju
gelombang audio
secara pasif yang
direka khas untuk
ruang yang mudah
gema



5 custom tuned
preset untuk
kepelbagaian
posisi
pemasangan
pembesar
suara



Bahagian horn
boleh diputar untuk
aplikasi front fill,
bawah balkoni,
dan monitor pentas



Dibina dengan
kabinet papan
lapis yang direka
untuk frekuensi
low tuning



Pilihan Grill Designer
yang dijual berasingan
untuk aplikasi di
masjid dan gereja


Jinakkan Gema. Semula Jadi.

SiX-26eF direka khusus untuk ruang yang mencabar dari segi akustik. Reka bentuk Frekuensi Tinggi (HF) yang pintar dilengkapi dengan kecondongan 10° ke bawah, mengarahkan bunyi secara semula jadi tepat ke arah hadirin. Bunyi yang diarah akan menjauhi siling walaupun tanpa dongakan mekanikal. Kecondongan HF ini juga menambah baik liputan jarak dekat.


Konfigurasi tweeter-di-antara-woofers yang memampatkan frekuensi pertengahan, SiX-26eF mengawal frekuensi pertengahan dengan lebih fokus di paksi menegak — salah satu komponen utama untuk kejelasan suara. Ini menjadikannya salah satu pembesar suara berkemampuan dalam kelasnya untuk menghasilkan audio yang jelas dalam persekitaran yang sangat bergema.




Contoh Liputan Pembesar Suara



10 darjah condong ke bawah



10 darjah condong ke bawah + 10 darjah dongakan fizikal



10 darjah condong ke bawah + 20 darjah dongakan fizikal

Satu DSP. Lima Presets. Bebas Stress

SiX-26eF direka untuk kepelbagaian fungsi, menampilkan butang tekan untuk bertukar antara 5 preset yang telah dioptimumkan. Preset ini direka demi memastikan konsistensi bunyi yang sempurna dengan menggunakan pembetulan frekuensi secara automatik bagi mengatasi masalah akustik, terutamanya fenomena 'boundary gain'. Preset ini juga direka untuk memastikan prestasi akustik konsisten tak kira di mana atau bagaimana pembesar suara ini dipasang.

Anda boleh memasang SiX-26eF di mana-mana sahaja — di stand pembesar suara sehinggalah ke penjuru dinding — dan yakin bahawa kualiti bunyi akan sentiasa konsisten.



Situasi Preset yang Dirangkumi

- M1** Pemasangan di atas stand / Ruang Terbuka
Untuk Pemasangan di atas stand atau di ruang terbuka, di mana 'boundary interference' adalah minima.
- M2** Pemasangan Berhampiran Dinding
Mengimbangi gandaan frekuensi rendah (low-frequency gain) dan pantulan awal (early reflections) yang terhasil akibat pemasangan rapat pada satu dinding.
- M3** Pemasangan di Sudut Dinding
Potongan frekuensi rendah bagi mengurangkan gandaan bass yang ketara serta 'room mode excitation' yang sering berlaku pada penempatan di sudut ruang.
- M4** Mod Mendatar / Isian
Dioptimumkan untuk kegunaan sebagai front-fill, di bawah balkoni (under-balcony), atau diposisikan secara mendatar sebagai monitor pentas. Setup ini memerlukan 'high-pass filtering' atau 'high-shelf filtering'. Horn boleh diputar 90 darjah - Condong ke bawah (untuk bawah balkoni) atau Condong ke atas (untuk front-fill).
- M5** Fullrange Boost
Mod khusus yang menerapkan peningkatan frekuensi rendah untuk situasi yang memerlukan bass ekstra atau impak audio yang lebih bertenaga.

Satu Pembesar Suara. Tiga Personaliti.

SiX-26eF direka untuk tampil menarik secara visual setanding dengan kecemerlangan akustiknya, sekali gus memastikan penyepaduan ke dalam mana-mana ruang seni bina. Kemasan warna putih standard yang anggun menyatu dengan mudah ke dalam hampir semua reka bentuk dalaman moden.

Pilihan Fleksibel Bagi Memenuhi Visi Anda:

Grill Standard dan Professional

Pembesar suara ini menampilkan grill yang tahan lasak dan sangat sesuai untuk semua jenis premis komersial dan profesional.

Grill Seni Bina *Jual Asing

Bagi ruang yang memerlukan estetik yang cantik - seperti gereja, masjid, atau tapak warisan - grill hiasan yang direka khas boleh dipilih. Pilihan ini mengubah SiX-26eF menjadi pembesar suara yang sesuai untuk reka bentuk dalaman dan seni bina mewah, menjadikan ia sebuah pembesar suara yang bukan sahaja enak didengar, malah indah mata memandangi.

Estetik Vintaj (Tanpa Gril)

Bagi peminat tegar audio klasik, grill ini boleh ditanggalkan sepenuhnya. Penonjolan susunan berstruktur 'transducers' ini menghasilkan kontras hitam-putih yang memukau — sekali gus membangkitkan estetika retro dan vintaj. Pembesar suara ini sangat ideal untuk memeriahkan lagi suasana listening room, kafe, mahupun galleries.

Gantung Boleh, Pacak Boleh, Bolt Boleh, Monitor Pentas Boleh



Fullrange

Setanding dengan kebolehsuaian akustiknya, SiX-26eF menawarkan pilihan pemasangan yang amat fleksibel. Ia dilengkapi soket stand serta pelbagai titik rigging bagi pengantungan yang selamat. Ia juga boleh dipasang dengan bracket bentuk C yang serbaguna untuk pemasangan secara menegak mahupun mendatar (sangat ideal untuk aplikasi low-profile di bawah balkoni atau konfigurasi front-fill).

Pembesar suara ini juga boleh ditukar menjadi monitor pentas menggunakan aksesori kaki jenis skru, sekali gus menjamin penggunaan yang sempurna dalam apa jua aplikasi.



Bawah Balkoni



Front Fill



Monitor Pentas



Juara Orientasi Mendatar: Saiz Kompak, Prestasi Elit



IVA SiX-26eF sangat fleksibel, direka khusus untuk menguasai orientasi mendatar. Kelebihan pembesar suara terletak pada HF pembesar suara yang boleh putar - ciri utama yang menjamin prestasi audio yang konsisten tidak kira di mana sahaja ia dipasang. Apabila digunakan sebagai monitor pentas, aksesori kaki yang disertakan mampu menghasilkan sudut monitor pentas yang bersesuaian dan HF dicondongkan paksi 10 darjah ke atas, bunyi dihalakan tepat kepada penghibur.

Setup mendatar ini turut merangkumi aplikasi di bawah balkoni, di mana HF pembesar suara boleh dilaraskan kepada kecondongan paksi 10 darjah ke bawah untuk menghala-tujukan bunyi terus kepada penonton, dan bukannya menghala ke siling. Malah dalam konfigurasi front-fill, SiX-26eF menawarkan kawalan penuh liputan audio; pengguna hanya perlu memutar HF ke bawah (untuk pentas tinggi), atau ke atas (untuk platform lebih rendah). Bagi memastikan tiada kompromi pada kualiti, preset DSP mendatar khs telah dinala untuk menghapuskan penggelembungan frekuensi rendah yang berlebihan. Pemprosesan canggih ini memastikan kualiti audio secara mendatar kekal konsisten, sama seperti pemasangan menegak atau pada dinding.

Direka khas untuk PRO. Dipermudah untuk DIY.

IVA SiX-26eF amat mementingkan aspek reka bentuk yang mengutamakan pendengar dan juga pemasang. Kami telah reka khas pembesar suara ini dengan teliti demi menyokong wira-wira yang mengendalikan kerja-kerja pemasangan mencabar di tempat tinggi. Melalui rekaan pemegang tangan yang ergonomik, kami memastikan para pemasang dapat mengekalkan cengkaman yang kuat dan selamat dengan hanya sebelah tangan ketika memanjat tangga.

Sebaik sahaja tiba di titik pemasangan, reka bentuknya membolehkan tangan kedua menyokong bahagian tapak dengan selesa, menjadikan proses peralihan ke braket dinding atau siling berjalan lancar dan mudah. Pendekatan intuitif ini menjadikan proses pemasangan begitu cekap dan ringkas, sehingga ia boleh dikendalikan sendiri secara DIY. Selain itu, pembesar suara ini telah siap dilaraskan dengan kecondongan fizikal 10 darjah ke bawah, sekali gus menjamin liputan akustik yang cemerlang serta kualiti bunyi yang unggul sebaik sahaja ia dikunci pada kedudukannya.



Pembesar Suara Ruang Legar Pertama Di Dunia

SiX-26eF telah direka khusus untuk mengatasi cabaran akustik yang sering dihadapi di kawasan ruang legar dan terbuka di dalam bangunan seperti pusat beli-belah. Pembesar suara konvensional yang bersaiz besar selalunya sukar berfungsi dengan baik di dalam ruang yang luas ini, kerana ia boleh mengakibatkan gema melampau serta limpahan audio yang ketara ke premis kedai dan pejabat bersebelahan.

SiX-26eF menawarkan alternatif yang revolusi. Direka khas sebagai penyelesaian audio untuk kawasan ruang legar, SiX-26eF menghasilkan audio yang terkawal sambil mengurangkan gema. Ini memastikan setiap pengumuman atau mesej disampaikan dengan kejelasan dan kefahaman yang maksimum. Saiz SiX-26eF yang kompak membolehkan pemasangan yang senang dan bersesuaian dengan hiasan dalaman persekitaran. Pemasangannya fleksibel, menyokong orientasi mendatar mahupun menegak demi memenuhi sebarang keperluan seni bina. Kemasan warna putih yang bersih dapat melengkapi apa-apa jua reka bentuk dalaman moden. Ringkasnya, SiX-26eF ialah penyelesaian audio terbaik untuk ruang legar anda.



GEREJA



CABARAN SENI BINA:

Permukaan Marmar & Keras:
Mengakibatkan pantulan bunyi yang terlampau tinggi.

Percanggahan Visual: Reka bentuk pembesar suara tradisional yang besar merosakkan estetika tiang klasik.

SOLUSI SiX-26eF:

Kecondongan frekuensi tinggi (HF) 10° ke bawah: mengarahkan bunyi secara semula jadi ke arah audiens dan menjauhi siling reflektif, walaupun tanpa condong mekanikal.

Gril Hiasan Arkitek (Architectural Grille): Pilihan gril premium disediakan untuk melengkapkan hiasan dalaman mewah.

SOLUSI SiX-26eF:

Kecondongan frekuensi tinggi (HF) 10° ke bawah: mengarahkan bunyi secara semula jadi ke arah audiens dan menjauhi siling reflektif, walaupun tanpa condong mekanikal.

Kejelasan Vokal Elit: Artikulasi pertuturan pro-audio gred studio.

CABARAN SENI BINA:

Perangkap Gema Kubah (Dome Echo Trap): Struktur kubah bertindak sebagai cermin akustik, menghasilkan gema (reverb) panjang yang mengaburkan kejelasan suara.

Perangkap Pemasangan Semula (Retrofit Trap): Sistem talian 100V tradisional kedengaran nipis. Sebaliknya, perkakasan pro-audio yang besar kelihatan semak atau gagal berfungsi dengan baik di tapak akibat silau akustik bangunan.

MASJID



ADAPTASI AKUSTIK SIX-26eF

BILIK MESYUARAT



CABARAN SENI BINA:

Gema Kaca & Konkrit: Dinding kaca korporat dan lantai konkrit menghasilkan gema berayun (flutter echo) yang kuat.

Had Siling Rendah: Pemasangan pembesar suara secara menegak kelihatan tebal, menghalang pandangan, dan mendatangkan risiko keselamatan terhantuk kepala.

SOLUSI SiX-26eF:

Kejelasan Vokal Elit: Menghasilkan kejelasan suara gred studio dalam saiz fizikal yang ultra-kompak.

Estetika Tersamar Premium: Kemasan putih memastikan ia menyatu tanpa menonjol di dalam bilik mesyuarat.

SOLUSI SiX-26eF:

Gaya Retro Tanpa Gril (Grille-Off): Pemindat dwi-arah (transducers) yang terdedah menghasilkan kontras hitam-putih yang unik, sangat sesuai untuk hiasan media sosial.

Sistem Pacuan Kecekapan Tinggi: Hanya 1 atau 2 unit sudah memadai untuk membekalkan isian muzik frekuensi penuh (full-range) premium ke seluruh zon tanpa memerlukan rak pengadun yang kompleks.

CABARAN SENI BINA:

Gangguan Visual: Pembesar suara kotak hitam tradisional merosakkan hiasan ruang yang estetik dan "Instagrammable".

Had Ruang Perkakasan: Ruang yang terhad tidak mempunyai tempat untuk menampung rak pengadun (mixer) atau rak ampaian yang besar.


KAFE/TEMPAT EVENT



SPESIFIKASI

Definisi	Pembesar Suara 2 Hala Advance DSP
Konfigurasi kuasa	Bi-amped
Transduser Rendah	2 x 6.5" Woofer, 1.6" Voice Coil
Transduser Tinggi	1" Tweeter, 1" Voice Coil
DSP	24 bit 48 kHz SigmaDSP®
Liputan Horn	Putaran 80° H x 60° V, 10° condong secara menegak
Respon Frekuensi (+/- 3dB)	52 Hz – 15 kHz
Frekuensi Crossover	Elektronik pada 1300 Hz
Max SPL	122 dB
Tahap Kuasa	300 Watt RMS 600 Watt Peak
Connectors	1 x XLR In, 1 x XLR Out, 2 x RJ45, 1 x PowerCon In, 1 x Powercon Out
Kawalan Luaran	Volume Control / Power ON / Preset Switch
Perlindungan Elektronik	Terma / Overload / DSP Limiter / DSP Compressor
Pembekal Kuasa	AC 230V, 50/60 Hz
Bahan Buatan	Kabinet Papan Lapis, Gril Besi, Pemegang Bahagain Atas
Pilihan Pemasangan	Stand, Kaki M8 Monitor Pentas, 14 x M8 FLY Points
Penggunaan Kuasa	300 Watt 1.5 Ampere
Berat	12.5 kg net, 14 kg (shipping)
Dimensi (WDH)	230 x 267 x 550 mm 270 x 307 x 590 mm (carton)

SigmaDSP® adalah tanda dagangan berdaftar yang dilindungi oleh Pejabat Paten dan Tanda Dagangan AS



Lukisan Outline

